



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

**LATIH TUBI SPM 2022**

**(MÄSNAH) BAHASA MELAYU (TIAWIM 2)  
KERTAS 1  
DUA JAM**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

**MÄSNAH BAHASA MELAYU**

Latih Tubi ini mengandungi 4 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]  
**SULIT**

**Bahagian A**

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.

*Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan jawatan kosong. Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan resume diri anda yang lengkap bagi permohonan **satu pekerjaan** yang anda minati.*

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**JAWATAN KOSONG****PEMBANTU PENGURUS (KEWANGAN)****SYARAT & KELAYAKAN**

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 20 tahun hingga 30 tahun
3. Kelayakan minimum diploma/ijazah yang berkaitan akaun/kewangan
4. Berkemahiran dalam perisian Microsoft Office
5. Boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik

**BIDANG TUGAS**

- Menguruskan baucar pembayaran
- Merekod perbelanjaan syarikat
- Menyediakan laporan perbelanjaan

**CARA MEMOHON**

Sila kemukakan resume yang lengkap melalui e-mel [aryskwp@yahoo.com](mailto:aryskwp@yahoo.com)

**PELUANG PEKERJAAN****Pembantu Butik (Jualan dan Khidmat Pelanggan)****Pembantu Butik (Dekorasi dan Pelamin)**

Kami membuka peluang kepada individu yang berminat dan berkemahiran untuk menjadi sebahagian daripada warga Rins Suzana. Permohonan terbuka kepada individu lelaki dan perempuan yang berumur 22 – 32 tahun. Pemohon yang berpengalaman diberi keutamaan. Pemohon perlu sertakan gambar berukuran pasport semasa permohonan.

Sila hantar resume kepada [zaza@yahoo.com](mailto:zaza@yahoo.com)

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

GEORGETOWN – Kenaikan harga barang pada ketika ini amat membimbangkan berikutan rakyat semakin tertekan kerana perlu menghadapinya selepas terkesan dengan impak penularan wabak COVID -19 sejak dua tahun lalu.

Oleh itu, kita berharap agar pihak berkuasa menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih cakna untuk menjaga kepentingan pengguna.

Sumber: [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)

Berdasarkan petikan di atas, isu kenaikan harga barang akan membebankan kewangan ramai orang.

Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk meringankan beban kewangan keluarga.

2

Sains dan teknologi dilihat sebagai satu perkara yang prima dalam kehidupan manusia sejak memasuki abad ke-21. Perkembangannya dilihat tumbuh ibarat cendawan tumbuh selepas hujan apabila kos menggunakan teknologi semakin berpatut dan dikomersialkan sesuai dengan kehidupan manusia. Mungkin kehadiran teknologi pada zaman dahulu tidak mempunyai ekosistem yang seimbang untuk disokong. Kini, perkembangan yang pesat dirai malah menjadi perlumbaan antara negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Pelbagai manfaat yang diperoleh kesan daripada perkembangan sains dan teknologi terhadap kehidupan manusia.

Sumber : [www.ipendidikan.my](http://www.ipendidikan.my)

Berdasarkan maklumat di atas,uraikan pendapat anda tentang kepentingan bidang sains dan teknologi dalam kehidupan masyarakat kita.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

3

Memandangkan sektor pertanian adalah penting bukan sahaja untuk ekonomi tetapi untuk rakyat, salah satu cara untuk menerajui matlamat ini bermula daripada pendidikan. Pengetahuan mengenai perniagaan pertanian harus didedahkan kepada anak muda untuk mengubah pemikiran mereka berfikir ke hadapan iaitu menjalankan perniagaan daripada hasil pertanian.

Selain itu, cara lain untuk menjadikan sektor ini lebih menarik adalah dengan adanya penawaran gaji yang lumayan. Inovasi penggunaan teknologi baharu sangat penting untuk menjadikan sektor pertanian lebih menarik di mata anak muda kerana mereka dapat melihat hasil yang lebih tinggi.

Sumber : Internet

Jelaskan cara-cara untuk menjadikan bidang pertanian sebagai pilihan anak muda.

4

Pemimpin sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan sesebuah organisasi itu berfungsi dengan baik. Sekolah yang hebat dipimpin oleh pemimpin yang hebat. Pemimpin yang efektif mempunyai kemahiran berkomunikasi secara berkesan. Seorang pemimpin yang hebat sentiasa bergerak secara proaktif dengan memastikan iklim sekolah sentiasa terjaga, keperluan pelajar dipenuhi dan kebajikan guru terpelihara. Fokus utama pentadbir sekolah adalah untuk memastikan setiap pelajar dapat meningkatkan kemahiran mereka melalui bimbingan yang berterusan.

Sumber : Internet

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri pemimpin yang berkesan?

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT